

Sedia jalankan ujian DNA ke atas jenazah Ngah Ibrahim

UM-5/9/2006

KUALA LUMPUR 4 Sept. - Kerajaan sedia menjalankan Ujian Asid Deoxyribonucleic (DNA) ke atas jenazah Ngah Ibrahim, sekiranya pihak yang mendakwa mempunyai hubungan kekeluargaan dengan pahlawan Melayu tersebut, dapat memberi bukti ilmiah bahawa mereka adalah waris kepada bekas Orang Besar Jajahan Perak itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, setakat ini tidak ada bukit sejarah menunjukkan pihak terbabit mempunyai hubungan kekeluargaan yang sah.

Katanya, jika pihak yang mendakwa waris pahlawan Melayu itu boleh menyediakan sumber-sumber secara ilmiah, kementerian sanggup menyediakan kemudahan menjalankan ujian DNA ke atas jenazah Ngah Ibrahim.

"Setakat tulang Ngah Ibrahim, tetapi jika tidak ada sumber-sumber yang boleh dibandingkan dengan waris yang sah, ujian DNA sukar dijalankan," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan seorang lelaki, Yacob Ngah Ibrahim, 80, dalam *Utusan Malaysia*, hari ini yang mengaku beliau adalah anak bongsu kepada Orang Kaya Menteri Ngah Ibrahim dan mendakwa Ngah Ibrahim meninggal dunia kerana sakit tua pada 1936 di Kampung Dendang dan bukan di Singapura seperti catatan sejarah.

Menurut Rais, Pesuruhjaya Warisan kementerian berkenaan mengumpulkan semua bukti dan dokumen mengesahkan jenazah dikebumikan di Singapura itu ialah Ngah Ibrahim.

Katanya, kajian ke atas batu nisan serta dokumen mengenai pahlawan Melayu itu juga mengesahkan bahawa Ngah Ibrahim dikuburkan di tanah perkuburan Al-Funid di Singapura pada 1895.

"Semua maklumat sejarah itu dibuat secara ilmiah oleh pakar-pakar sejarah," katanya.

Rais berkata, mengikut kajian sejarah, Ngah Ibrahim telah dibuang ke Pulau Seychelles, Sarawak sebelum meninggal dunia di Singapura.

Beliau berkata, berdasarkan kedudukan itu, kementeriannya menerima segala pengesahan sejarah tersebut sebagai sah dan akan meneruskan pemindahan jenazah pahlawan berkenaan serta seorang lagi pahlawan Melayu Laksamana Mohamad Amin ke Perak untuk dikebumikan semula.